

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

SOALAN NO. 283

Y.B. DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah negara akan mengalami masalah deflasi dalam masa terdekat. Apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membendung keadaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019 naik 0.6% manakala indeks teras pula meningkat 1.1% dalam tempoh yang sama. Kenaikan ini menunjukkan kemungkinan untuk negara menghadapi risiko deflasi dalam masa terdekat adalah rendah. Kadar inflasi rendah yang dialami adalah disebabkan terutamanya oleh penetapan harga runcit RON95 pada kadar RM2.08 dan Diesel pada kadar RM2.18 sejak Mac 2019. Penetapan harga ini menyebabkan indeks kumpulan pengangkutan merosot 3.3% bagi tempoh tersebut seterusnya mengurangkan tekanan ke atas kadar inflasi secara keseluruhan.
2. Sementara itu, indeks kumpulan utama yang lain seperti perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.9%), minuman alkohol & tembakau (1.8%) dan makanan & minuman bukan alkohol (1.7%) mencatat peningkatan. Situasi ini menggambarkan permintaan domestik negara kekal kukuh. Purata inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada bulan-bulan terakhir tahun ini dan menjelang 2020 berikutan kesan asas (*base effect*) yang semakin berkurangan. Sehubungan itu, IHP bagi keseluruhan 2019 diunjur meningkat 0.9% manakala pada 2020 IHP dijangka mencatat 2%.
3. Dalam jangka masa sederhana, pertumbuhan inflasi dijangka kekal stabil disokong oleh kegiatan ekonomi yang terus berkembang dan permintaan domestik yang kukuh. Namun demikian, unjuran inflasi juga tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran asing dan ketidaktentuan harga minyak global berikutan ketegangan perdagangan dan geopolitik.
4. Kerajaan akan terus memantau perkembangan harga barangan agar negara tidak mengalami masalah deflasi dalam masa terdekat. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya kesan kenaikan kadar inflasi tidak akan

NO SOALAN : 283

membebankan rakyat khususnya golongan yang mudah terjejas dan yang berpendapatan rendah.